

BERNAMA

BERBINCANG: Abdullah berbincang dengan Presiden Majlis Sains Jepun, Kiyoshi Kurokawa (kiri) dan van Ginkel (kanan) sebelum menyampaikan ucaptama Islam Hadhari di Tokyo, semalam.

Lawatan capai kerjasama ekonomi

BH - 27/5/2006

TOKYO: Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi menyifatkan lawatan kerja lima hari beliau ke Jepun mencapai kejayaan bermakna, terutama dalam membuka era baru kerjasama ekonomi Kuala Lumpur-Tokyo.

Beliau berkata, perkara itu direalisasikan dengan persetujuan kerjasama ke arah menjayakan Perjanjian Pintar Ekonomi Malaysia-Jepun (EPA), dengan penubuhan institut automotif di Malaysia dan membangunkan industri bioteknologi.

Beliau berkata, Malaysia turut memeterai memorandum persefahaman dengan United Nations University bagi penubuhan Pusat Penyelidikan dan Latihan Antarabangsa Kesihatan Global (UNU-IIGH) di Kuala Lumpur, yang pertama seumpamanya di dunia.

"Institut automotif yang akan dibangunkan itu menawarkan latihan lanjutan kepada pekerja sektor automotif Malaysia bagi meningkatkan lagi kualiti produk dan komponen negara, termasuk yang dihasilkan oleh Proton dan Perodua.

"Ini perkembangan baik kerana dengan adanya program latihan lanjutan terutama kepada pekerja Malaysia, saya percaya mereka akan dapat menyumbang ke arah peningkatan kualiti komponen dan kenderaan," katanya.

Beliau berkata demikian kepada wartawan Malaysia pada akhir lawatan kerjanya di sini, semalam. Abdullah akan berada di Jepun untuk lawatan peribadi sebelum dijadual pulang ke tanah air, Ahad ini.

Abdullah berkata, penubuhan institut automobil itu juga selari dengan strategi Malaysia untuk mengembangkan lagi industri komponen yang kini diusahakan syarikat kecil dan sederhana bagi keperluan tempatan dan luar negara.

"Saya nak program ini didulukan kerana tentulah mengambil masa nak dirikan institut, tetapi kalau sudah ada bangunan, cepat sikit," katanya sambil menambah institut berkenaan terbuka kepada semua.

Kerjasama penubuhan institut automotif dan bioteknologi dipersetujui dalam pertemuan dua hala Perdana Menteri dengan rakan sejawatannya, Junichiro Koizumi, Rabu lalu.

Abdullah berkata, beliau juga mengadakan pertemuan dengan wakil sektor swasta di Jepun dan meyakinkan mereka mengenai komitmen Malaysia untuk meneruskan industri sedia ada, di samping beberapa bidang baru seperti bioteknologi.

Sementara itu, mengenai pertemuannya dengan Tun Dr Mahathir Mohamad di sini, semalam, Abdullah berkata, ia hanya pertemuan biasa untuk bertanya khabar tanpa ada agenda tertentu yang dibincangkan.

"Tiada apa-apa... tanya khabar dan bila nak balik. Saya cakap pasal saya bertemu orang Jepun dan nyatakan sikap orang Jepun terhadap kita. Yang lain tak ada, jangan (buat) spekulasi... memang tidak ada," katanya.

Dr Mahathir berada di sini kerana menghadiri Persidangan Nikkei ke-12 dan menginap di hotel yang sama dengan Abdullah, iaitu Hotel Imperial.